

Warga emas kayuh 1,750km, rentas 8 negeri

[FOTO MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI/BH]



Noor Azmi (dua dari kiri), disambut bekas rakan sekolah sebaik tiba di SMK Clifford, semalam.

Kuala Kangsar: Berdepan cuaca panas terik dan kemungkinan ancaman haiwan liar termasuk gajah, antara cabaran dilalui warga emas dalam misi menamatkan kayuhan basikal merentasi lapan negeri.

Noor Azmi Abd Karim, 63, melaksanakan misi berbasikal solo itu bermula di Kuala Kangsar pada 1 Oktober lalu, merentasi Kelantan, Terengganu, Pahang, dan Johor sebelum kembali ke utara melalui Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, dan ke Perak dan berakhir di sini, semalam, membabitkan perjalanan sejauh 1,750 kilometer.

Ketibaannya disambut dua rakan kayuhan, Muhd Nabil Nazri, 15, dan Abdul Razak Zainuddin, 74, yang mengiringinya dari Sungai Siput sebelum tiba di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Clifford di sini dengan di-

sambut beberapa bekas rakan sekolahnya jam 1 tengah hari semalam.

Noor Azmi bersyukur kerana tidak terserempak dengan binatang buas khususnya ketika melalui Jalan Raya Timur Barat (JR-TB) di kawasan Banjaran Titiwangsa.

Jalani latihan dua bulan

Datuk kepada empat cucu itu berkata, beliau menjalani latihan dua bulan sebelum memulakan misi kayuhan kerana menyedari ia sangat memerlukan kekuatan stamina, terutama ketika melalui trek kayuhan di kawasan berbukit khususnya di Banjaran Titiwangsa yang memaksanya melalui trek berbukit sepanjang 74 kilometer.

“Berbanding misi pada tahun lalu yang memerlukan saya berkayuh sehalu dari sini hingga Jo-

hor Baharu sejauh 800 kilometer, misi kali ini bertambah sukar apabila terpaksa menempuhi jalan kampung yang agak sunyi dan tidak biasa dilalui khususnya di negeri pantai timur.

“Alhamdulillah perjalanan saya lancar termasuk keadaan basikal yang tidak menimbulkan sebarang masalah, selain kesihatan saya yang baik biarpun sentiasa terdedah dengan cuaca panas sewaktu kayuhan,” katanya.

Walaupun pada mulanya mendapat tentangan keluarga yang bimbang keselamatan, beliau berkeras ingin melaksanakan kayuhan itu atas dasar menjadikan berbasikal sebagai hobi, sekali gus menjaga kecerdasan dan kesihatan khususnya jantung selain didorong sikap memberi kesedaran mengenai kesihatan selain mengeratkan silaturahim.